

# Penganggur salah gunakan dadah dipenjara empat bulan

**MIRI:** Seorang penganggur dijatuhi hukuman penjara empat bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas disabitkan bersalah menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan polis selama dua tahun mengikut Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Tertuduh, Edmund Achin, 22, dari Quadruplex Bandar Baru Permyjaya di sini, mengaku bersalah atas tuduhan menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine

dan Methamphetamine yang tersenarai di bawah Jadual Pertama ADB 1952, dengan cara memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 11 pagi, 8 Disember 2025 di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15(1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM5,000

atau penjara tidak melebihi dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.